

# Khidmat bakti **tiga dekad**

*Dr Noor Hisham dianggap wira rakyat perangi Covid-19 bersara 21 April ini*

Oleh Noor Hidayah  
Tanzizi  
am@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**K**hidmat bakti Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah kepada bidang kesihatan negara selama 35 tahun akan berakhir apabila beliau bakal bersara wajib pada 21 April ini.

Semakan Harian Metro di Facebook mendapati beberapa individu dan pihak termasuk Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia memuat hantaran mengenai persaraan beliau sejak beberapa hari lalu.

Untuk rekod, bapa kepada enam anak berusia 60 tahun itu memegang jawatan Ketua Pengarah Kesihatan se-

jak 2013 dan tempoh lebih tiga dekad dalam perkhidmatan cemerlang menyaksikan beliau berhadapan saat mencabar ketika negara berhadapan Covid-19.

Malah, beliau juga dianggap 'wira' rakyat melalui pencapaian terbaik pasukan kesihatan di bawah pimpinannya dalam memerangi penularan virus itu.

Beliau dianggap 'wajah' yang memberi keyakinan oleh rakyat negara ini kerana usahanya memberikan maklumat terkini mengenai Covid-19 di media sosial, berlandaskan rumusan berasaskan fakta dan statistik.

Media sebelum ini juga ada melaporkan Dr Noor Hisham, dinamakan sebagai antara doktor terbaik dunia oleh China Global TV Network (CGTN), berdasar-

kan kewibawaan beliau menangani krisis Covid-19.

Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia dalam catatan hantarannya di Facebook pada tiga hari lalu memaklumkan pihaknya mengadakan Mesyuarat Majlis Juruanalisis Makanan Malaysia yang juga mesyuarat terakhir yang dipengerusikan oleh Dr Noor Hisham selaku Pengerusi Majlis Juruanalisis Makanan Malaysia sebelum bersara pada 21 April.

Hantaran itu berkata, satu sesi khas diadakan sebagai penghargaan di atas segala jasa dan sumbangan beliau kepada Majlis Juruanalisis Makanan Malaysia.

"Beliau turut menitipkan pesanan berikut 'dalam bekerja kita hendaklah ikhlas, buat yang terbaik dan se-

lanjutnya bertawakal (berserah pada Tuhan),' kata hantaran berkenaan.

Memetik laporan sebuah portal dan media tempatan, Dr Noor Hisham berkata, beliau tidak sabar meluangkan lebih masa bersama keluarga selepas dia berundur pada 21 April ini, iaitu hari dirinya mencecah usia 60 tahun, iaitu umur persaraan wajib anggota perkhidmatan awam.

"Persaraan adalah babak kehidupan seterusnya. Ia adalah perjalanan hidup. Saya akan menyeberangi satu jambatan pada satu masa," katanya.

Ditanya sama ada beliau akan menikmati tempoh persaraannya itu me-

mandangkan dirinya dikenali sebagai seorang yang bekerja keras, Dr Noor Hisham menjawab: "Biar saya bersara dahulu dan saya akan berkongsi dengan anda pengalaman saya kemudian."



DR Noor Hisham ketika mengadakan sidang media harian mengumumkan situasi Covid-19 di negara ini.